


Newspaper : The Star  
Date : 22<sup>th</sup> March 2014  
Title : Sumbangan Legenda Berjaya Pulihkan The Main Place  
Section : News Page :



**BERNAMA**

## **SUMBANGAN LEGENDA BERJAYA PULIHKAN THE MAIN PLACE**

SUBANG JAYA, 22 Mac (Bernama) -- Selepas tergendala selama 16 tahun, projek The Main Place Residence and Mall di sini, akhirnya menerima Sijil Layak Menduduki (CFO).

Projek berkenaan yang terbengkalai dua kali, telah berjaya dimajukan semula oleh Sumbangan Legenda Sdn Bhd, anak syarikat Bina Puri Holdings Bhd. Pengarah Urusan Sumbangan Legenda Jason Yam berkata syarikat itu berminat untuk membantu memulihkan projek terbengkalai lain.

"Bersama-sama dengan rakan sekutu, kami mempunyai keupayaan dan kepakaran teknologi untuk menyelamatkan projek yang ditinggalkan, seperti yang dibuktikan dengan projek hari ini, yang dua kali terbengkalai sebelum ini.

"Kami berjaya menyiapkan projek ini tiga bulan lebih awal daripada dijadualkan dan CFO membuktikan keupayaan kami.

"Kami meninjau projek terbengkalai lain untuk dipulihkan," kata Yam kepada Bernama selepas menerima CFO daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan majlis penyerahan kepada pembeli. The Main Place Residence and Mall terdiri daripada 1,211 unit kondominium yang terletak di atas kawasan seluas 237,000 kaki persegi ruang perniagaan boleh sewa bersih merangkumi tiga setengah tingkat, dan meliputi 1.74 hektar (4.3 ekar) pembangunan di USJ 21.

Sumbangan Legenda mendapat tender terbuka pada 2009 untuk memulihkan projek itu dan melantik Bina Puri sebagai kontraktor utama. Yam berkata lebih RM20 juta telah dibelanjakan untuk memulihkan dan mencantikkan kawasan pusat membeli-belah itu dengan tambahan 120 tempat letak kereta di bawah tanah dengan jumlah ruang sebanyak 2,400. Beliau menganggarkan nilai pembangunan kasar projek tersebut kini sebanyak RM800 juta.

Sementara itu, Pengerusi Bina Puri Tan Sri Wong Foon Meng mengumumkan pada majlis itu bahawa The Main Place Residence and Mall akan memulakan operasi pada Selasa depan. Beliau berkata pusat beli-belah itu mempunyai campuran penyewa yang pelbagai termasuk Toys R Us, Popular Book Store, Jaya Grocer, McDonalds, Starbucks dan TGI Friday.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ Abdullah Marjunid berkata The Main Place bakal menjadi mercu tanda ikonik di Subang Jaya. Beliau berkata terdapat 19 projek terbengkalai lain dalam kawasan Subang dengan 10 telah siap setakat ini dan lima lagi sedang dilaksanakan.

"Satu projek dalam proses untuk dipulihkan dan satu lagi baru diperolehi, dengan satu lagi kerja pemulihan dihentikan. Projek terakhir, pembangunan perniagaan dan pejabat, masih terbengkalai dan memerlukan syarikat untuk memulihkannya," katanya.

From : Group Corporate Communication Department  
Date : 24<sup>th</sup> March 2014  
Subject : Bina Puri News Update